



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1986**

**SURAT PENGHARGAAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG  
BERSARA**

**1. TUJUAN**

1.1 Tujuan Surat Pekeling Perkhidmatan ini untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai penggunaan format baru Surat Penghargaan bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan B, C dan D.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Arahan Perkhidmatan menyatakan bahawa pegawai-pegawai yang bersara dalam keadaan biasa, pilihan sendiri atau atas perakuan sesebuah Lembaga Perubatan boleh dipertimbangkan untuk diberi Surat Penghargaan sebagai penghormatan kepada perkhidmatan yang telah diberi oleh mereka kepada Kerajaan. Bersesuaian dengan peruntukan dalam Arahan Perkhidmatan itu, Kerajaan telah memutuskan bahawa, pegawai-pegawai dalam Kumpulan B, C dan D yang akan bersara dalam keadaan tersebut diberi Surat Penghargaan sebagai

penghormatan di atas sumbangan yang telah diberikan oleh mereka sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan.

### **3. FORMAT SURAT PENGHARGAAN**

3.1 Format baru Surat Penghargaan bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan B, C dan D yang bersara adalah seperti di Lampiran "A". Semua Kementerian dan Jabatan adalah dikehendaki mencetak sendiri format Surat Penghargaan tersebut.

### **4. TINDAKAN OLEH KETUA-KETUA JABATAN**

4.1 Tindakan untuk mengeluarkan Surat Penghargaan ini hendaklah diambil sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum pegawai yang berkenaan bersara bagi mempastikan Surat Penghargaan itu dapat disampaikan pada masa yang sesuai sebelum

tarikh pegawai bersara. Adalah dinasihatkan supaya Ketua Jabatan menyemak butir-butir dan maklumat berikut sebelum Surat Penghargaan tersebut disediakan:

- (i) Nama Penuh
- (ii) Jawatan akhir dan tingkatan
- (iii) Tarikh persaraan sebenar
- (iv) Kurniaan-kurniaan mengikut susunan yang pernah diterima

4.2 Surat-surat Penghargaan bagi pegawai-pegawai tersebut hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan masing-masing. Adalah disyorkan supaya satu upacara ringkas diadakan untuk menyampaikan Surat-surat Penghargaan tersebut.

4.3 Ketua-ketua Jabatan adalah diminta mengambil ingatan akan perkara ini dan akan sebarang keraguan hendaklah dirujuk ke Jabatan ini untuk mendapatkan nasihat.

## 5. PEMANSUHAN DAN PINDAAN

5.1 Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, peraturan bagi pengeluaran Sijil Perkhidmatan (Am 318-Pin. 1/72) adalah dimansuhkan. Peruntukan-peruntukan dalam Arahan Perkhidmatan yang berkaitan akan dipinda sewajarnya.

## 6. TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

6.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan dan pemakaianya dipanjangkan kepada semua Badan-badan Berkanun Persekutuan atau Negeri dan semua Kuasa-kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ZOLKIPLI BIN. ABDUL),

*Bahagian Perkhidmatan,*

*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*Malaysia*

1hb. Oktober, 1986.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sarawak.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah.

s.k.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.